

26 AUG 2002

Syed Hamid-Poland (Bergambar)/I

MALAYSIA DAN POLAND AKAN BEKERJASAMA DALAM MEMERANGI JENAYAH

PUTRAJAYA, 26 Ogos (Bernama) -- Malaysia akan mengkaji kemungkinan mewujudkan kerjasama dengan Poland dalam memerangi jenayah terancang merentasi sempadan seperti pelaburan wang haram dan keganasan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas perbincangan dua hala bersama rakan sejawatannya dari Poland, Wlodzimierz Cimoszewicz, Syed Hamid berkata Menteri itu telah menyatakan minat Poland untuk menjalin kerjasama dalam bidang itu.

"Mereka suka jika kita menandatangani satu perjanjian dengan mereka (Poland), untuk memerangi jenayah terancang. Itu sekarang di bawah pertimbangan kita," kata beliau selepas perjumpaan selama sejam di Wisma Putra di sini.

Cimoszewicz tiba di sini semalam bagi lawatan dua hari. Ini merupakan lawatan kedua beliau ke negara ini, dengan yang pertama ialah pada 1996 semasa beliau memegang jawatan Perdana Menteri negara itu yang mempunyai 39 juta penduduk.

Syed Hamid berkata Poland berpendapat kerjasama seperti itu adalah perlu kerana kedua-dua pihak bimbang sindiket-sindiket ataupun kumpulan-kumpulan mafia di negara timur Eropah itu mungkin menggunakan Malaysia untuk memperluaskan aktiviti haram mereka ke rantau ini.

"Selepas sahaja kita menerima pendapat agensi-agensi berkaitan dan Kementerian-kementerian, kita akan menghubungi semula Poland," kata Syed Hamid.

Dalam era selepas kejatuhan rejim-rejim Komunis pada 1990-an, negara-negara di timur Eropah telah menyaksikan peningkatan dalam jenayah terancang merentasi sempadan seperti pelaburan wang haram, aktiviti mafia dan penyeludupan dadah dan kereta.

Sementara hubungan Malaysia-Poland dianggap sebagai "mesra", Syed Hamid berkata beliau telah meminta Poland untuk mengurangkan tarif import bagi minyak sawit Malaysia dengan tarif itu kini 25 peratus lebih tinggi berbanding bagi minyak makanan yang lain.

Syed Hamid berkata Poland hanya mengenakan tarif import antara 15 peratus dan 20 peratus bagi minyak makanan lain seperti minyak jagung dan minyak bunga matahari.

Cimoszewicz bersetuju untuk mengkaji perkara itu.

Syed Hamid berkata beliau juga telah menyatakan kesanggupan Malaysia untuk membenarkan Poland membeli minyak sawit di bawah Peraturan Kredit dan Bayaran Minyak Sawit (POCPA) yang kini ditawarkan kepada sembilan buah negara.

Syed Hamid berkata rakan sejawatannya itu juga menyampaikan minat negara itu untuk melatih pegawai-pegawai diplomatiknya menguasai Bahasa Melayu.

Menurut Syed Hamid, perdagangan dua hala yang kini memihak kepada Malaysia dijangka berpihak kepada Poland apabila Malaysia meneruskan dengan cadangan pembelian kereta perisai PT91 dari Poland. Perdagangan antara Poland dan Malaysia pada tahun lepas berjumlah US\$97 juta.

Poland merupakan rakan perdagangan terbesar bagi Malaysia di kalangan negara-negara Eropah Tengah dan Timur.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Warsaw Mac lepas, iaitu lawatan sulung oleh seorang ketua kerajaan Malaysia sejak hubungan diplomatik antara kedua-dua negara diwujudkan lebih 30 tahun

lepas.

Syed Hamid berkata Poland berminat untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam pelbagai aspek industri pertahanan.

"Apa yang penting ialah Malaysia mahu hubungan dengan Poland diperluaskan. Bukan hanya pada pertahanan. Dan saya rasa mereka boleh bersetuju dengannya," kata beliau.

-- BERNAMA

RV AZZ PR